

# Pencapaian

## Anugerah/Pengiktirafan

AmMerchant Bank Berhad dianugerahkan 'Rumah Bon Terbaik' di Malaysia dalam Anugerah 'Country Awards 2004' oleh majalah FinanceAsia.

### Oleh

*Majalah FinanceAsia pada Jun 2004*



## Anugerah/Pengiktirafan

AmMerchant Bank Berhad menduduki tempat pertama dalam empat kategori:

- 1) Pengurus Utama Terbaik 2003 untuk Jumlah Terbitan yang Terbanyak
- 2) Pengurus Utama Terbaik 2003 untuk Nilai Terbitan yang Terbesar
- 3) Pengurus Utama Terbaik 2003 untuk Jumlah Terbitan yang Terbanyak (Islam)
- 4) Pengurus Utama Terbaik 2003 untuk Nilai Terbitan yang Terbesar (Islam)

### Oleh

*Rating Agency Malaysia (RAM) pada Jun 2004*



## Anugerah/Pengiktirafan

AmBank Berhad telah diiktiraf sebagai Naib Johan kategori Pemasaran, Hal Ehwal Awam atau Projek Pengurusan Jenama di dalam Asian Banking Awards 2004 untuk penyertaan 'Let's Duit!'

### Oleh

*Asian Bankers Association (ABA) pada Mac 2004*



## Anugerah/Pengiktirafan

Kumpulan AmBank menerima Anugerah Merit untuk Anugerah Korporat 2003 Bursa Malaysia Securities Berhad (dahulu dikenali sebagai Bursa Saham Kuala Lumpur).

### Oleh

*Bursa Malaysia Securities Berhad pada Mac 2004*





**Bloomberg**



## Anugerah/Pengiktirafan

---

Kempen 'Let's Duit!' memenangi Anugerah Kempen yang Terbaik di Malaysia di Promotion Marketing Awards of Asia (PMAA) di Singapura.

### Oleh

---

*Promotion Marketing Awards of Asia (PMAA) pada Disember 2003*

## Anugerah/Pengiktirafan

---

Kumpulan AmBank disenaraikan antara 10 syarikat tertinggi dalam kategori 'Perkhidmatan yang Inovatif untuk Memenuhi Keperluan Pelanggan di Malaysia' di pemeringkatan *REVIEW 200* Far Eastern Economic Review ke-11 bagi syarikat-syarikat Asia yang utama.

### Oleh

---

*Far Eastern Economic Review (FEER) pada Disember 2003*

## Anugerah/Pengiktirafan

---

AmMerchant Bank Berhad menduduki tempat teratas di Jadual Liga Penaja Jaminan Bloomberg untuk separuh pertama tahun 2004 dalam tiga kategori:

- 1) Bon Ringgit Malaysia
- 2) Terbitan Hutang dan Ekuiti Ringgit Malaysia
- 3) Tawaran Awam Awal (IPO) Malaysia

### Oleh

---

*Bloomberg pada 2004*

## Anugerah/Pengiktirafan

---

AmMerchant Bank Berhad menduduki tempat teratas di '*Dealogic Equity Bookrunner League Table – Malaysia*'.

### Oleh

---

*Dealogic Equity Bookrunner pada 2004*

## Anugerah/Pengiktirafan

---

AmMerchant Bank Berhad menduduki tempat teratas di Jadual Pengurus Utama untuk separuh pertama tahun 2004 menurut pemeringkatan Malaysia Rating Corp Berhad.

### Oleh

---

*Malaysian Rating Corp Berhad (MARC) pada 2004*



# Tanggungjawab Sosial Korporat

## Fiesta Harmoni Kumpulan AmBank

Sambutan untuk meraikan Tahun Baru 2004 adalah gagasan Tan Sri Dato' Azman Hashim. Kehadiran Perdana Menteri Malaysia, Y A B Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi telah menyerikan lagi sambutan tersebut, yang dipenuhi keceriaan pelbagai warna, muzik, persembahan kebudayaan dan bunga api yang hebat. Fiesta Harmoni telah diadakan di Dataran Merdeka untuk lebih daripada 100,000 orang penonton.



Tan Sri Dato' Azman Hashim (kiri) menyambut Tahun Baru bersama Y A B Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia, dan Y Bhg Dato' Hj Mohamad Shaid Mohd Taufek (kanan sekali), Datuk Bandar Kuala Lumpur, di Dataran Merdeka.

Sambutan tersebut juga telah dihadiri oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur dan telah menarik orang ramai yang terdiri dari pelbagai kaum dan generasi – sebagai konsep hiburan sensasi bagi seisi keluarga. Memainkan peranan sebagai warga korporat yang penyayang, Kumpulan AmBank telah mencatatkan pencapaian ulang sebagai kumpulan perbankan yang pertama untuk mengusahakan sesuatu seperti ini. Sambutan ini menyaksikan gabungan usaha yang berjaya antara organisasi swasta dan sektor kerajaan, sebagai simbol 'Malaysia Incorporated'.

Sebahagian daripada 100,000 orang yang berkumpul di Dataran Merdeka untuk menyambut Tahun Baru 2004.







Tan Sri Dato' Azman Hashim menyampaikan cek contoh kepada Y A Bhg Datin Paduka Seri Endon Mahmood, Pengerusi Yayasan Budi Penyayang Malaysia.

Dengan tujuan mengambil berat terhadap mereka yang kurang bernasib baik, Kumpulan telah terus menyokong pengurusan Rumah Berkat, Hospital Kuala Lumpur (HKL) di dalam usaha mereka untuk membantu pihak yang serba kekurangan.

Melalui bahagian pelaburan Kumpulan AmBank, AmInvest telah melancarkan promosi *Malaysian Charity Draw (MCD)* untuk membantu Persatuan Pemulihan Orang-orang Cacat Selangor dan Wilayah Persekutuan (PPOC) memungut derma untuk enam projek badan kebajikan. Kumpulan AmBank juga telah menyumbang kepada Yayasan Pembangunan Masyarakat Kubang Pasu (YPMKP), sebuah organisasi kebajikan.

Di dalam bidang kesihatan, Kumpulan AmBank telah memberi sumbangan kewangan kepada Pusat Dialisis NKF – Tuanku Syed Putera untuk memperbaiki kemudahan di pusat tersebut. Kumpulan AmBank juga telah menyumbang kepada jamuan makan malam amal yang telah dianjurkan oleh Yayasan Hati Malaysia (*Malaysian Liver Foundation*), demi membantu mewujudkan kesedaran mengenai penyakit-penyakit hati.

Sumbangan juga telah diberi untuk menggalakkan aktiviti sukan dan rekreasi dalam negara seperti arena sukan equestrian tempatan untuk Malaysian Open 2003 dan Merdeka Masters 2003. Kumpulan AmBank juga telah mengambil bahagian dalam The Edge Kuala Lumpur Rat Race 2003 dan The Malay Mail Big Walk 2003.

Di arena antarabangsa, Kumpulan telah menyumbang dan menyertai Persidangan Organisasi Islam (Organisation of the Islamic Conference, (OIC) Summit) yang ke-10 sebagai Bank dan Agen Forex Rasmi di Ekspo OIC. Kumpulan juga telah memainkan peranan yang aktif dalam Forum Perniagaan OIC.

Untuk menunjukkan sokongannya terhadap peranan wanita dalam bidang perniagaan dan sukan, Kumpulan AmBank telah memberi sokongan kepada Yayasan Budi Penyayang Malaysia dalam industri tekstil batik tempatan dan Ekspedisi Solo ke Antartika untuk Peniagawati.



Datin Maznah Mahbob, Ketua Pegawai Eksekutif AmInvest (kanan) dan Y Bhg Datin Tina Ali, Pengerusi Penganjur PPOC (kiri) di Pelancaran Malaysian Charity Draw (MCD).